

NO. RUJUKAN : ANM.PHG.100-1/9/5(10)
TARIKH : 02 JUN 2020

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

**KAWALAN KE ATAS PENGGUNAAN KOD PEMBEKAL – ONE TIME VENDOR (OTV)
BAGI PEMBAYARAN DI iGFMAS**

Berdasarkan kepada rekod penggunaan kod pembekal - *One Time Vendor* (OTV) bagi pembayaran di iGFMAS, **terdapat pembayaran yang menggunakan kod pembekal - OTV walaupun pembayaran adalah kepada penjawat awam yang telah mempunyai kod pembekal EMP (EMPLOYEE) di bawah 5 series (5000000000 sehingga 5999999999).**

Penggunaan kod pembekal OTV bagi pegawai yang telah mempunyai kod pembekal EMP di bawah julat 5 series diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan JANM bagi mengelakkan sebarang risiko kesilapan dalam nombor akaun yang dikunci masuk.

Sehubungan dengan itu, PTJ adalah diingatkan untuk mematuhi perkara berikut:

- i) PTJ hendaklah memastikan bahawa **semua Arahan Pembayaran** oleh PTJ hendaklah **menggunakan maklumat Data Induk Pembekal iGFMAS** seperti yang telah ditetapkan dalam Sistem iGFMAS seperti di **Lampiran 1**;
- ii) PTJ hendaklah memastikan **pembayaran kepada penjawat awam yang telah mempunyai kod pembekal EMP TIDAK menggunakan kod pembekal OTV**. Pegawai Penyedia, Peraku 1 dan Peraku 2 bertanggungjawab memastikan perkara ini dipatuhi;
- iii) PTJ hendaklah memastikan penggunaan kod OTV hanya terhad kepada kategori OTV yang diwujudkan di dalam julat nombor :10000 hingga 19999 (rujukan – MPK iGFMAS : *PENGURUSAN DATA VENDOR – ONE TIME VENDOR (OTV) - MPK VEND-11*). **Nombor akaun penerima bayaran yang dikunci masuk di dalam medan nombor akaun bank bagi penerima bayaran OTV pada Arahan Pembayaran hendaklah berdasarkan penyata bank yang disahkan dan dilampirkan**. Pegawai Penyedia, Peraku 1 dan Peraku 2 bertanggungjawab memastikan maklumat akaun bank penerima bayaran OTV adalah bertepatan dengan berdasarkan dokumen sokongan yang dilampirkan; dan
- iv) **Bagi mana-mana perihal melibatkan pembayaran kepada penjawat awam (ie gaji/ elaun/ tuntutan perjalanan/ elaun lebih masa dan lain-lain) yang telah mempunyai maklumat kod pembekal EMP, namun PTJ masih menggunakan kod pembekal OTV akan DIKUIRI oleh Pejabat Perakaunan.**

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Dana di talian 09-5915013 /5036/5029/5037/5033/5028/5034 untuk keterangan lanjut.

Sekian terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM PAHANG**